



**Nota :** Laporan tambahan oleh Peneraju / TWP PP/ PTJ mohon dilaporkan semasa mesyuarat.



KEMASKINI BERDASARKAN MAKLUM  
BALAS :  
14 DISEMBER 2022 | 3.00 p.m

### STATUS TINDAKAN SUSULAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-54

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS STATUS TINDAKAN
		<b>Perkara – Perkara Berbangkit</b>		
1.	54.2(a)	<u>Minit 53.2 (a)</u> – mesyuarat mencadangkan supaya mesyuarat khas bersama Ketua Juruaudit PTJ diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun bagi membantu meneliti NCR dan OFI Audit Dalaman yang segar atau belum ditutup melebihi tempoh.	<b>PAD UPM</b>	Mesyuarat dirancang untuk diadakan pada tahun 2023 sebelum Audit Dalaman UPM bermula.
2.	54.2(c)	<u>Minit 53.6.1 (i)</u> – mesyuarat mengambil perhatian semakan soalan kajian penaja bagi skop pengajaran dan pembelajaran telah dilaksanakan dan akan dilaporkan selepas tamat tempoh kajian pada bulan September 2022.	<b>PKPU UPM</b>	<p>Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir ke-87 (Khas) pada 29 Julai 2022 telah menyemak semula soalan kajian penaja bagi skop pengajaran dan pembelajaran sepertimana pada <b>Lampiran 1</b>.</p> <p> Lampiran 1_skala 3 ke atas_penaja.pptx</p> <p>Dimaklumkan bahawa terdapat peningkatan pencapaian bagi tahun 2022 di mana 89.30% responden memilih skala 3 dan ke atas berbanding tahun 2021 di mana 86.04% responden memilih skala 3 dan ke atas. Keputusan lengkap pencapaian 2021 adalah seperti pada <b>Lampiran 2</b>.</p> <p> Lampiran 2_skala 3 ke atas - 2022_DONI</p>

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS STATUS TINDAKAN
	54.3	<b>Laporan Dokumentasi (QMS dan ISMS)</b>		
3.	54.3(c)	meneliti dan bersetuju meluluskan cadangan penambahbaikan dokumen skop pengurusan iaitu Prosedur Audit Dalaman ISO (UPM/PGR/P004) yang akan mula dikuatkuasakan pemakaiannya pada 09 September 2022.	PKD UPM	Pindaan pada Prosedur Audit Dalaman ISO (UPM/PGR/P004) telah dikuatkuasakan pada 09 September 2022. Dokumen terkini boleh dicapai melalui Sistem Pengurusan ISO UPM (eISO).
4.	54.3(d)	mengambil maklum sehingga kuatkuasa dokumen pada 29 Julai 2022, sebanyak 87.77% (122/139) dokumen ISO tahun 2018 telah disemak dan dipinda oleh Peneraju Proses. Mesyuarat turut dimaklumkan baki 17 dokumen yang belum disemak akan dipantau proses semakan dan kemas kini oleh peneraju terlibat semasa kuatkuasa dokumen ISO pada 9 September 2022.	PKD UPM	Kesemua 139 dokumen ISO belum pinda tahun 2018 telah berjaya dikemaskini oleh peneraju proses terlibat sehingga kuatkuasa pada 09 September 2022.
5.	54.3(f)	meminta <b>peneraju skop pengajian prasiswazah merancang pelaksanaan siri taklimat kesedaran pemakaian dokumen berasaskan pengguna ini kepada semua PTJ</b> yang terlibat dengan skop pengajian prasiswazah. Dalam menyokong usaha ini, semua TWP PTJ juga diminta bersama-sama memainkan peranan bagi membantu memberi kesedaran kepada staf di PTJ masing-masing.	TWP PP TNC AA & TWP PTJ	<b>1) TWP FSTM:</b> Pemakluman berkaitan pemakaian dokumen berasaskan pengguna telah dimaklumkan kepada pensyarah semasa Mesyuarat Fakulti ke-263 pada 30 November 2022.

54.4		Laporan Audit		
6.	54.4.(c)	meminta PTJ yang terlibat mengambil tindakan segera bagi tujuan penutupan NCR dan OFI Audit Dalam QMS Tahun 2021 yang telah melebihi tempoh cadangan penutupan.	<b>TWP PNC, TWP P.BURSAR, TWP BKU, TWP CADe, TWP PASP, TWP PKU, TWP PUPM, TWP PPP, TWP FSKTM, TWP FSB, TWP FP, TWP IPPH, TWP ION2, TWP IKP &amp; TWP INTROP</b>	<p><b>1) <u>TWP PP PKU:</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1 NCR mengikut tempoh cadangan penutupan</li> <li>7 OFI mengikut tempoh cadangan penutupan dan 1 OFI pindah untuk tindakan peneraju (Pejabat Bursar)</li> </ol> <p>Nota : 1 OFI pindah kepada Peneraju (Pejabat Bursar) telah maklum kepada PAD, UPM untuk semakan.</p> <p><b>2) <u>TWP PEJ. BURSAR :</u></b></p> <p>Bagi Pejabat Bursar 1 OFI 2021 belum ditutup dan tarikh baharu penutupan adalah pada 30 Jun 2023.</p> <p><b>BUR-OFI-QMS-01 / 8.1 / KEW</b> Dicadangkan untuk mewujudkan pelan perancangan "Akaun Virtual" bagi mengenalpasti terimaan yang masuk ke dalam Akaun kira-kira UPM , supaya serahan wang tidak dituntut ke Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut (PWTT) dapat diminimakan.</p> <p><b>BELUM TUTUP</b> Justifikasi: sistem virtual masih dalam pembangunan sistem oleh iDEC dan akan digunapakai secara menyeluruh pada tahun 2023. [Tarikh Semakan Semula: 30 June 2023]</p>

				<p><b>3) <u>TWP PP PEJ. NC :</u></b>          Satu masih belum ditutup iaitu NCR daripada Akademi Sukan (PS-NCR-QMS-01/7.1.3/PYG). Tarikh sebenar tindakan sepatutnya adalah 11/11/22. Walau bagaimanapun, status penutupan bagi NCR tersebut adalah seperti berikut:</p> <p><b><u>Membaik pulih trek</u></b>          1) Tarikh penutupan tidak dapat ditentukan kerana tiada peruntukan untuk membuat baik pulih trek</p> <p><b><u>Membaik pulih turf hoki</u></b>          2) Projek dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2023 dengan kos yang diluluskan oleh JPU adalah sebanyak RM270K.          -Tarikh penutupan NCR tidak dapat ditentukan kerana terdapat pertambahan kos semasa iaitu kos baik pulih sebanyak RM350k hingga RM400k</p> <p><b><u>Membaik pulih gelanggang tenis</u></b>          3) Tarikh tutup NCR tidak dapat ditentukan kerana tiada peruntukan untuk membuat baik pulih gelanggang tenis. PTJ masih berusaha untuk mencari dana kos baik pulih Gelanggang Tenis.</p>
<b>7.</b>	<b>54.4.(e)</b>	mengambil maklum berkaitan aliran proses tindakan penutupan Audit Dalaman QMS dan ISMS PTJ Tahun 2022 sebagaimana yang diperincikan melalui emel pemakluman penemuan audit oleh CQA selepas berakhir pelaksanaan audit dalaman di setiap PTJ. Sehubungan itu, PTJ yang merekodkan penemuan audit adalah diminta untuk menginput maklum balas	<b>TWP PP &amp; TWP PTJ yang berkenaan</b>	<p><b>1) <u>TWP PP PEJ. TNC HEPA :</u></b>  <b><u>Audit Dalaman QMS</u></b>          KJAD Audit Dalam Entiti HEPA 2022 telah merekodkan penemuan audit, maklum balas pelan tindakan audit. Entiti HEPA yang diberikan tujuh (7) NCR dan lima (5) OFI telah melaksanakan tindakan mengikut tempoh yang telah dipersetujui.</p>

		<p>pelan tindakan dan seterusnya melaksanakan tindakan mengikut tempoh yang telah dipersetujui bersama dengan juruaudit terlibat.</p>		<p><b><u>Audit Dalaman ISMS</u></b>  Pembentangan Penutupan Audit Dalaman ISMS Entiti HEPA pada 14 Oktober 2022 dengan penemuan sembilan (9) OFI dan tiga (3) NCR telah dilaksanakan tindakan mengikut tempoh yang telah dipersetujui.</p> <p><b>2) <u>TWP PP PKU:</u></b>  <b><u>Audit Dalaman QMS tahun 2022</u></b>  2 NCR tutup  2 OFI TUTUP  <b><u>Audit Dalaman ISMS tahun 2022</u></b>  Tiada NCR  2 OFI TUTUP</p> <p><b>3) <u>TWP FSTM:</u></b>  Tindakan menginput maklum balas pelan tindakan Audit Dalaman tahun 2022 melalui PortalCQA telah dilaksanakan mengikut tempoh. Manakala, tindakan bagi tujuan penutupan penemuan audit masih dalam proses dan tempoh yang ditetapkan.</p>
8.	54.5.1	<p><b>Laporan Pencapaian Objektif Kualiti Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2015</b></p> <p><b>(a) Laporan Pencapaian Key Performance Indicator (KPI)- Penilaian Pencapaian KPI Sukuan Keempat (Q4) 2021 dan Penetapan Sasaran KPI 2022</b></p>	<p><b>Semua TWP PP &amp; TWP PTJ</b></p>	<p><b>1) <u>TWP PP PEJ. TNC HEPA :</u></b>  Telah membuat hebahan melalui beberapa siri bengkel dan mesyuarat seperti berikut:  1) Bengkel Laporan Pencapaian KPI 2021 &amp; Perancangan Tindakan 2022 PTJ Entiti HEPA pada 24/1/2022  2) Bengkel Penilaian dan Pelaksanaan KPI serta Pelan Strategik UPM 2021-2025 Entiti HEPA pada 11/3/2022  3) Mesyuarat TNC (HEPA) Bersama Pengetua Kolej Kediaman pada 15/3/2022</p>

		(vii) Mesyuarat meminta semua TWP menghebahkan mengenai penetapan KPI baharu tahun 2022 kepada semua staf di PTJ masing-masing bagi memastikan KPI 2022 ini dapat sama-sama dihayati dan didalami oleh semua warga UPM.		4) Kursus Induksi Pegawai Eksekutif Entiti HEPA dan WAZAN pada 9 & 10/8/2022  Pelan Strategik HEPA 2021-2023 telah dibukukan dan diedarkan kepada semua pegawai HEPA serta telah dimasukkan dalam laman web untuk rujukan.  <b>2) <u>TWP PP PKU:</u></b> Makluman kepada semua staf PTJ.
	<b>54.5.1</b>	<b>(b) Laporan Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Bagi Tempoh Januari hingga Jun Tahun 2022</b>		
<b>9.</b>	<b>54.5.1(b)</b>	(iv) meminta peneraju proses terlibat mengambil tindakan kawalan ketakakuran/ penambahbaikan terhadap petunjuk prestasi yang tidak mencapai sasaran bagi memastikan sasaran dapat dicapai pada penghujung tahun 2022.	<b>TWP PNC, TWP SPS, TWP P. BURSAR, TWP P. PENDAFTAR &amp; TWP PKKSSAAS</b>	<b>1) <u>TWP PP SPS:</u></b> Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Siswazah Universiti (JKPSU) yang diadakan pada setiap bulan, SPS turut melaporkan maklumat petunjuk prestasi/ piagam pelanggan yang tidak mencapai sasaran mengikut fakulti/sekolah/institut untuk perhatian dan tindakan bersama.  <b>2) <u>TWP PEJ. NC :</u></b> Pembetulan/ penambahbaikan terhadap petunjuk prestasi PFA yang tidak mencapai sasaran pada tahun 2022 sudah digunapakai oleh PTJ terlibat sebagaimana yang telah dicadangkan.  PTJ/Entiti Pejabat Naib Canselor yang terlibat bagi petunjuk prestasi PFA adalah seperti berikut:  1) Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat, PSPK 2) Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, PPKKP

- 3) Bahagian Audit Dalam, BAD
- 4) Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen, WAZAN

No.	PTJ	Proses Utama	Objektif Kualiti
1	PSPK	Pengendalian Aduan Awam dan Maklum Balas	Melaksanakan tindakan terhadap aduan dalam tempoh yang ditetapkan
2	PPKKP	Mematuhi Keperluan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)	Memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat
3	PSPK	Pemantauan Laporan Pelan strategi UPM	Menyediakan Laporan Pencapaian Suku Tahun KPI UPM mengikut tempoh
4	AD	Pengauditan	Melaksanakan pengauditan mengikut program audit yang diluluskan
5	WAZAN	Pelaksanaan Permohonan Bantuan Zakat oleh Pelajar	Memaklumkan keputusan permohonan bantuan zakat kepada pelajar

10.	54.5.1(b)	(v) bersetuju mengesahkan pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras bagi tempoh Januari hingga Jun 2022 dan meluluskan cadangan tiga (3) pindaan/ tambahan Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras untuk pengukuran tahun 2022/2023 sepertimana di <b>Lampiran B</b> .	<b>KB PKP</b>	Tiga (3) cadangan pindaan/tambahan Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras berkenaan telah dikemaskini ke Sistem Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras (eLPFA) untuk pengukuran pencapaian Januari – Disember 2022.
<b>54.5.1</b>		<b>(c) Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan Bagi Tempoh Januari hingga Jun Tahun 2022</b>		
11.	54.5.1(c)	(v) Mesyuarat meminta Peneraju Proses terlibat melaksanakan tindakan kawalan ketakakuran/ penambahbahbaikan terhadap piagam pelanggan yang tidak mencapai sasaran bagi tempoh pengukuran Januari hingga Jun 2022.	<b>TWP PNC, TWP P. TNC JINM, TWP SPS, TWP P. BURSAR, TWP PKU &amp; TWP PUPM</b>	<p><b>1) TWP PP SPS:</b> Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Siswazah Universiti (JKPSU) yang diadakan pada setiap bulan, SPS turut melaporkan maklumat petunjuk prestasi/ piagam pelanggan yang tidak mencapai sasaran mengikut fakulti/sekolah/institut untuk perhatian dan tindakan bersama.</p> <p><b>2) TWP PP PKU:</b></p> <p>1) Memastikan semua ujikaji yang dilaksanakan di PKU dapat disiapkan pada hari yang sama. <u>Jan 2022</u> – Tidak mencapai Objektif kualiti kerana sebanyak 22 ujikaji (Uric Acid) tidak dapat dijalankan berikutan mesin biokimia mengalami kerosakan pada 20.1.2022 bermula jam 3.00 petang. Mesin selesai dibaiki pada jam 12.00 tengahari 22.1.22</p> <p>2) Memastikan masa yang diambil untuk ambulans sampai ke lokasi kejadian dalam kampus tidak melebihi 15 minit selepas menerima panggilan. <u>Feb 2022-</u></p>



				<p>Maklumat yang diterima berkaitan lokasi sebenar pesakit tidak jelas menyebabkan petugas lambat tiba di lokasi.</p> <p><b>3) <u>TWP PP PEJ. BURSAR :</u></b>  Penambahbaikan piagam pelanggan Pejabat Bursar telah diambil tindakan dan dikemaskini. Ianya telah dipaparkan dilaman sesawang Pejabat Bursar</p> <p><b>4) <u>TWP PP PEJ. NC :</u></b>  PTJ telah mengenalpasti piagam pelanggan yang tidak mencapai sasaran pada tahun 2022 bagi tempoh Januari-Jun dan memantau pembedahan/ penambahbaikan setiap piagam pelanggan serta justifikasi sebagaimana telah diambil perhatian dan direkod di dalam Mesyuarat Semakan Keberkesanan Proses (MSKP) Pejabat Naib Canselor.</p>
<b>12.</b>	<b>54.5.1(c)</b>	(vi) Mesyuarat meminta supaya pelaporan akan datang turut memperincikan berkaitan punca dan tindakan kawalan ketakakuran/penambahbaikan bagi piagam pelanggan yang tidak mencapai sasaran.	<b>PKPU UPM</b>	Diambil tindakan untuk pelaporan akan datang.
<b>13.</b>	<b>54.5.1(c)</b>	(vii) Mesyuarat bersetuju mengesahkan pencapaian piagam pelanggan bagi tempoh Januari hingga Jun 2022 sepertimana yang telah dibentang.	<b>PKPU UPM</b>	Selesai. Piagam pelanggan telah digunapakai untuk rujukan pelaksanaan di PTJ.

<b>54.5.2</b>		<b>Laporan Pencapaian Objektif Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Bagi Tempoh Januari hingga Jun 2022</b>		
<b>14.</b>	<b>54.5.2(c)</b>	bersetuju mengesahkan pencapaian objektif ISMS bagi tempoh Januari hingga Jun 2022 untuk rujukan pelaksanaan ISMS di UPM.	<b>TWP ISMS</b>	<p>Pelaporan pencapaian objektif ISMS bagi tempoh Januari hingga Jun 2022 telah digunakan untuk rujukan pelaksanaan ISMS UPM dan Audit Pemantauan Semakan 1 ISMS Tahun 2022.</p> <p>Pencapaian objektif ISMS ini telah dimasukkan ke dalam Pengurusan Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi 2022/2023 menerusi soalan Kajian Selidik Pihak Berkepentingan.</p>
<b>54.6.1</b>		<b>Laporan Maklum Balas Pihak Berkepentingan QMS Tahun 2022</b>		
<b>15.</b>	<b>54.6.1(d)</b>	meminta semua peneraju skop mengambil inisiatif untuk meningkatkan bilangan responden pihak berkepentingan masing-masing supaya maklum balas yang diterima dapat menggambarkan kebolehpercayaan (reliability) data sebenar setiap kategori responden.	<b>TWP P. TNCAA, TWP P. TNCPI &amp; TWP P. TNC JINM</b>	<p><b>1) <u>TWP PP PEJ. TNCPI:</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. RMC telah mengiklankan borang maklum balas melalui media sosial RMC iaitu Facebook dan Instagram.</li> <li>2. Pautan borang maklum balas juga adalah sentiasa berada di laman sesawang RMC dan dari semasa ke semasa iklan pautan maklum balas akan dibuat secara “pop-up” ketika pengunjung laman sesawang mengakses laman RMC. Emel terus kepada penyelidik juga telah dilaksanakan.</li> <li>3. Responden PSP terdiri daripada syarikat yang telah menandatangani Perjanjian Pelesenan atau Penyerahan Hak Harta Intelek UPM. Sehubungan itu, jumlah responden adalah kecil. Purata jumlah responden bagi tempoh 5 tahun kebelakang adalah 11 responden setahun.</li> </ol>

16.	54.6.1(e)	mencadangkan supaya soal selidik yang melibatkan pihak berkepentingan pelajar tahun 2 turut disangkutkan ke dalam Sistem PutraBlast bagi membantu meningkatkan jumlah responden.	PKPU UPM & TWP CADe	<p><b>PKPU UPM :</b></p> <p>Satu perbincangan telah diadakan bersama wakil dari CADe pada 30 November 2022. Hasil dari perbincangan tersebut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Pihak CADe bersetuju untuk membantu peneraju (Bahagian Akademik) dengan meletakkan pautan soal selidik pada <i>dashboard</i> sistem PutraBlast.</li> <li>ii) Peneraju dicadangkan untuk mempelbagaikan usaha bagi mendapatkan responden yang lebih ramai dalam kalangan pelajar tahun 2 untuk melengkapkan soal selidik.</li> </ul>
17.	54.6.1(h)	meminta supaya beberapa isu yang dibangkitkan berkaitan pengendalian soal selidik pihak berkepentingan QMS seperti keperluan kajian semula soalan soal selidik dan penetapan peratusan minimum responden yang diperlukan berdasarkan bilangan sebenar kumpulan sasaran dapat diteliti semula untuk tujuan penambahbaikan akan datang.	PKPU UPM	<p>Dua peneraju iaitu Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik bagi Skop Pengajaran dan Pembelajaran dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) bagi Skop Jaringan Industri dan Masyarakat memaklumkan bahawa kajian semula soal selidik telah dibuat dan telah digunakan semasa membuat kajian terhadap kumpulan sasaran.</p> <p>Peneraju Skop Penyelidikan dan Inovasi iaitu Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) memaklumkan bahawa kajian semula soal selidik akan dibuat pada awal tahun hadapan.</p>
<b>54.7.1</b>		<b>Laporan Penilaian Risiko Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)</b>		
18.	54.7.1(b)	Mesyuarat meminta PTJ melaksana strategi tindakan bagi mengawal tahap risiko sederhana dan tinggi serta membuat pemantauan secara berterusan bagi tahap risiko rendah.	Semua TWP PP & TWP PTJ	<p><b>1) TWP PP PEJ. TNC HEPA :</b></p> <p>Pemantauan risiko dilaksanakan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko HEPA yang telah diadakan pada 16/8/2022 dan 26/9/2022.</p>

				<p><b>2) <u>TWP PP PKU:</u></b> Maklum dengan tindakan oleh PYB bagi setiap risiko.</p> <p><b>3) <u>TWP FSTM:</u></b> Fakulti melaksanakan kawalan dan strategi tindakan sebagaimana yang dinyatakan pada penilaian awal dan penilaian HY2/2022.</p> <p><b>4) <u>TWP PP PEJ. PENDAFTAR:</u></b> Penilaian Risiko Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) Pejabat Pendaftar adalah di tahap rendah dan dipantau secara berterusan.</p>
19.	54.7.1(e)	Mesyuarat mencadangkan supaya satu kompilasi pilihan pernyataan isu dan risiko beserta penetapan skala keterukan dan kemungkinan yang lebih objektif disediakan untuk kategori Fakulti bagi memudahkan penyelarasan di peringkat Universiti dan perkara ini boleh diperluaskan pelaksanaannya bagi PTJ kategori lain secara berperingkat.	KB PKP	Kompilasi kategori Fakulti telah dilaksanakan oleh Pentadbir Fakulti bagi penilaian risiko tahun 2022. Kompilasi akan dipeluaskan ke institut dan kolej bagi pernyataan isu dan risiko tahun 2023.
20.	54.7.1(f)	Mesyuarat turut mencadangkan rumusan hasil keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko Universiti terhadap isu risiko operasi tahap tinggi dibawa untuk pemakluman Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM.	KB PKP	Laporan risiko operasi akan diperincikan bagi Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM tahun 2023.

<b>54.7.2</b>		<b>Laporan Penilaian Risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)</b>		
<b>21.</b>	<b>54.7.2(e)</b>	Mesyuarat meneliti dan bersetuju mengesahkan Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko ISMS (Semakan Mac 2022) untuk rujukan pelaksanaan ISMS di UPM.	<b>TWP ISMS</b>	Pelaporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko ISMS (Semakan Mac 2022) telah dihebahkan kepada semua pasukan ISMS dan digunakan untuk rujukan pelaksanaan operasi ISMS di UPM.
<b>54.8</b>		<b>Laporan Latihan Universiti</b>		
<b>22.</b>	<b>54.8(b)</b>	Mesyuarat meminta semua PTJ melaksanakan tindakan sewajarnya bagi memastikan pencapaian sasaran 100% staf hadir 18 jam latihan pada sukuan keempat 2022, khususnya bagi PTJ yang mempunyai rekod staf menghadiri latihan kurang daripada 50% jumlah jam latihan sehingga Jun 2022.	<b>TWP PNC, TWP P. TNCPI, TWP P. TNC JINM, TWP FBMK, TWP FBSB, TWP FK, TWP FPP, TWP FHAS, TWP FP, TWP FPSK, TWP FPV, TWP FRSB, TWP FS, TWP FSTM, TWP BKU, TWP CALC &amp; TWP UPMKB</b>	<p><b>1) <u>TWP PP CALC :</u></b> Status pencapaian staf hadir 18 jam latihan setakat 7 Disember 2022 adalah 98.57% dan dijangka akan mencapai sasaran pada penghujung Disember 2022.</p> <p><b>2) <u>TWP PP PEJ. TNCPI :</u></b> Telah capai 100% staf hadir 18 jam latihan tahun 2022</p> <p><b>3) <u>TWP FSTM:</u></b> Fakulti melaksanakan pemantauan secara berkala statistik kehadiran latihan staf untuk memastikan mencapai sasaran yang ditetapkan bagi staf akademik dan bukan akademik sehingga tempoh Q4/2022. Laporan status kehadiran latihan dibuat dalam Mesyuarat Pengurusan serta notis hebahan melalui emel kepada warga fakulti.</p> <p><b>4) <u>TWP PP PEJ. NC :</u></b> Semua PTJ/Entiti PNC telah mencapai 100% kehadiran bagi staf hadir 18 jam latihan sehingga sukuan ke-empat 2022.</p>

23.	54.9(d)	<p><b>Laporan Pengurusan Rekod Universiti</b></p> <p>Mesyuarat mencadangkan satu <i>taskforce</i> khas diwujudkan bagi membantu perancangan dan pelaksanaan projek DDMS 2.0 di UPM. Mesyuarat turut mencadangkan supaya carta perbatuan pelaksanaan DDMS disediakan untuk rujukan dan pemantauan tindakan yang lebih berkesan.</p>	PRJU UPM	<p><b>Jawatankuasa <i>Taskforce</i> khas</b> bagi melihat pelaksanaan projek <b>DDMS 2.0</b> di UPM <b>telah diwujudkan</b>. Antara aktiviti yang akan dijalankan adalah melihat keberkesanan dan konsep pelaksanaan projek DDMS 2.0 secara berpusat atau tidak berpusat di beberapa agensi kerajaan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Universiti Teknikal Malaysia – 18 Januari 2023;</li> <li>ii. Kementerian Pelajaran Malaysia (Putrajaya) – 25 Januari 2023; dan</li> <li>iii. Kementerian Kesihatan Malaysia (Putrajaya) – 8 Februari 2023.</li> </ul> <p>Jawatankuasa akan mengkaji semula kaedah penggunaan DDMS 2.0 di UPM setelah lawatan ke agensi-agensi tersebut diadakan.</p>
24.	54.9(f)	<p>Mesyuarat meminta supaya maklumat penambahbaikan kod klasifikasi fail UPM bagi tarikh kemas kini Jun 2022 ini dapat diselaraskan di peringkat PTJ sebagaimana hebahan yang telah dibuat kepada semua Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) PTJ.</p>	Semua TWP PP & TWP PTJ	<p><b>1) <u>TWP PP PEJ. TNC HEPA:</u></b> Telah dimasukkan dalam laporan PRJ bagi Mesyuarat Semakan Keberkesanan Proses (MSKP) HEPA Bil 2/2022 bertarikh 14/7/2022.</p> <p><b>2) <u>TWP PP PKU:</u></b> Maklum kepada semua pegawai fail setiap bahagian di PKU UPM.</p>
25.	54.10.3(b)	<p><b>Keperluan Penamaan Jawatankuasa Kualiti PTJ</b></p> <p>Mesyuarat meminta TWP PP/TWP PTJ terlibat mengemukakan penamaan bagi jawatan/peranan yang masih terdapat kekosongan/ keperluan penamaan baharu/ pelantikan semula menerusi</p>	TWP PNC (bagi entiti PPKKP & AS), TWP P. TNCAA, TWP PPPA,	<p><b>1) <u>TWP PP CALC:</u></b> Permohonan pelantikan semula PRJ telah buat menerusi <i>Google Form</i>.</p> <p><b>2) <u>TWP PP PEJ. NC:</u></b> PRJ PTJ bagi PPKKP dan TPKD Akademi Sukan telah dinamakan.</p>

		<p>borang penamaan (google form) yang boleh dicapai pada Portal e-ISO UPM.</p>	<p><b>TWP FPP, TWP FPSK, TWP UPMKB, TWP IPPH, TWP CALC &amp; TWP INTL (iPUTRA)</b></p>	<p><b>3) CQA :</b> Bagi penamaan yang telah diberikan, surat pelantikan telah / sedang dalam tindakan Pej. Pengarah, CQA.</p> <p>Keperluan penamaan untuk pelantikan semula Ahli JK sedia ada / penamaan baharu masih diperlukan seperti berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pej. TNC AA – Jawatan TPAD</li> <li>2. PPPA – Jawatan TPKD PP, TPAD, TPKP &amp; PRJ, PTJ</li> <li>3. FPSK – Jawatan TPKD &amp; TPAD</li> <li>4. UPMKB – Jawatan PRJ PTJ</li> <li>5. i-PUTRA – Jawatan PRJ</li> <li>6. FPP – Jawatan TPLS</li> </ol> <p>Justifikasi keperluan : Penyanggah jawatan sedia ada telah tamat tempoh lantikan semasa / diperlukan memperbaharui lantikan semua (jika PTJ melantik semula individu sama).</p>
--	--	--	--	---